



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

LAPORAN TAHUNAN

**MAJLIS KEBANGSAAN BAGI
ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)**

TAHUN 2021

ISI KANDUNGAN

PRAKATA	3
1.0 Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya	5
2.0 Keanggotaan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)	7
3.0 Jawatankuasa Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya	12
4.0 Laporan Pelaksanaan Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) dan Aktiviti Jawatankuasa di Bawah MKBOKU	14
4.1 Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya	14
4.2 Jawatankuasa Pendaftaran	16
4.3 Jawatankuasa <i>Quality Life Care</i>	21
4.4 Jawatankuasa Pendidikan	36
4.5 Jawatankuasa Pekerjaan	39
4.6 Jawatankuasa Pengangkutan	40
4.7 Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina	43
5.0 Sekretariat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya	46

PRAKATA

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah Taala atas kejayaan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) menghasilkan **Laporan Tahunan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) Tahun 2021** selari dengan kehendak Seksyen 19, Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua anggota Majlis atas komitmen yang ditunjukkan untuk pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan sokongan, penjagaan, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan bagi Orang Kurang Upaya (OKU). Laporan tahunan ini memuatkan aktiviti yang dijalankan oleh semua jawatankuasa yang telah dilantik bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) iaitu Jawatankuasa Pendaftaran, Jawatankuasa *Quality Life Care*, Jawatankuasa Pendidikan, Jawatankuasa Pekerjaan, Jawatankuasa Pengangkutan dan Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina.

Antara program menarik yang boleh diketengahkan termasuklah program memperkasakan OKU melalui pembangunan modul permohonan pendaftaran OKU secara dalam talian. Modul ini dirangka bagi memudah dan mempercepatkan proses permohonan pendaftaran OKU yang merangkumi pengisian borang dan pengesahan ketidakupayaan oleh Pakar/Pegawai/Pengamal Perubatan secara dalam talian dan mengeluarkan Kad OKU digital dalam bentuk Kod QR.

Dengan adanya laporan ini, diharapkan akan menjadi sumber rujukan kepada penyedia perkhidmatan, pembuat polisi dan masyarakat umumnya. Ini kerana laporan ini mengandungi pelbagai maklumat berkenaan program pembangunan dan pemerkasaan OKU yang memaparkan pelbagai usaha dan komitmen pihak Kerajaan merentasi pelbagai kementerian dan agensi dalam menzahirkan aspirasi terhadap pembangunan OKU dan penyampaian perkhidmatan yang lebih efisyen di Malaysia.

Sekretariat

Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya
Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya

LAPORAN TAHUNAN

**MAJLIS KEBANGSAAN BAGI
ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU)**

TAHUN 2021

1.0 MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

1.1 LATAR BELAKANG

Penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dilaksanakan di bawah Seksyen 3(1), Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685). Pelancarannya telah dilakukan oleh YB. Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada Ogos 2008. Matlamat penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya adalah selaras dengan Dasar Orang Kurang Upaya dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 iaitu ke arah pembangunan dan penggalakan penyertaan penuh orang kurang upaya dalam masyarakat. Untuk mencapai matlamat ini, satu usaha kolektif telah dibuat oleh Majlis dengan menggunakan pendekatan secara multi sektoral dan perkongsian bijak dengan agensi berkaitan yang lain.

1.2 FUNGSI DAN PERANAN MAJLIS SEBAGAIMANA SEKSYEN 9(1), AKTA OKU 2008

- 1.2.1 Untuk menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya (OKU);
- 1.2.2 Untuk membuat syor kepada Kerajaan mengenai semua aspek OKU termasuk perkara-perkara yang berhubungan dengan sokongan, penjagaan, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU;
- 1.2.3 Untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan OKU dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan;
- 1.2.4 Untuk memantau dan menilai kesan dasar, program dan aktiviti yang dirancang untuk mencapai penyertaan penuh dan berkesan OKU dan dalam berbuat demikian boleh membuat apa-apa perkiraan dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan sebagaimana yang difikirkan perlu;
- 1.2.5 Untuk mengkaji semula aktiviti semua kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan OKU;

- 1.2.6 Untuk mengesyorkan kepada Kerajaan perubahan kepada undang-undang sedia ada dan juga untuk mencadangkan undang-undang baru bagi menjamin penyertaan penuh dan berkesan OKU dalam masyarakat termasuk untuk memudahkan kebolehaksesan;
- 1.2.7 Untuk membangunkan program dan strategi yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat termasuk pada peringkat keluarga, berhubung dengan OKU termasuk keupayaan dan sumbangan mereka bagi menggalakkan tanggapan positif dan kesedaran sosial yang tinggi serta memupuk rasa hormat kepada hak dan maruah OKU;
- 1.2.8 Untuk menerima pakai langkah yang berkesan dan sesuai bagi menggalakkan pengiktirafan kemahiran, merit dan kebolehan OKU dan sumbangan mereka di tempat kerja dan pasaran buruh;
- 1.2.9 Untuk memupuk sikap menghormati hak OKU pada semua peringkat sistem pendidikan termasuk pada peringkat awal kanak-kanak;
- 1.2.10 Untuk menasihati Kerajaan mengenai isu ketidakupayaan termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa;
- 1.2.11 Untuk mengumpul, mengumpul semak data dan maklumat dan menjalankan serta menggalakkan penyelidikan yang berhubungan dengan OKU;
- 1.2.12 Untuk menggalakkan pembangunan latihan awal dan berterusan bagi golongan profesional dan kakitangan yang bekerja dalam perkhidmatan habilitasi dan rehabilitasi;
- 1.2.13 Untuk menggalakkan peluang pekerjaan dan peningkatan kerjaya bagi OKU dalam pasaran buruh dan juga bantuan dalam mencari atau mendapatkan pekerjaan atas dasar keserataan dengan orang upaya; dan
- 1.2.14 Untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri bagi pelaksanaan sewajarnya Akta ini.

2.0 KEANGGOTAAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

2.1 KEANGGOTAAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

Berdasarkan Seksyen 3 (2), Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya hendaklah terdiri daripada anggota berikut:

- 2.1.1 Menteri yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- 2.1.2 Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi kebajikan masyarakat yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
- 2.1.3 Peguam Negara Malaysia atau wakilnya;
- 2.1.4 Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi kewangan;
- 2.1.5 Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi pengangkutan;
- 2.1.6 Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;
- 2.1.7 Ketua Pengarah Pendidikan;
- 2.1.8 Ketua Pengarah Kesihatan;
- 2.1.9 Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan; dan
- 2.1.10 Tidak lebih daripada sepuluh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam permasalahan dan isu yang berhubungan dengan OKU yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

2.2 ANGGOTA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA TAHUN 2021



PENGERUSI

Nama: YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun
Jawatan: Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat



TIMBALAN PENGERUSI

Nama: YBhg. Dr. Maziah binti Che Yusoff
Jawatan: Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat



SETIAUSAHA

Nama: YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak
Jawatan: Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)
(mulai 30 November 2021)

KEANGGOTAAN DARIPADA KEMENTERIAN/AGENSI



YBhg. Tan Sri Idrus bin Harun
Peguam Negara



**YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidin @
Hamidon**
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan



YBhg. Datuk Isham bin Ishak
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan



YBhg. Dato' Jamil bin Rakon
Ketua Setiausaha Kementerian
Sumber Manusia



**YBhg. Datuk Dr. Habibah binti
Abdul Rahim**
Ketua Pengarah Pelajaran
(Sehingga April 2021)



**YBhg. Datin Seri Nor Zamani
binti Abdul Hamid**
Ketua Pengarah Pelajaran
(22 Jun 2021 - 31 Julai 2021)



**YBhg. Tan Sri Dr. Noor Hisham
bin Abdullah**
Ketua Pengarah Kesihatan

ANGGOTA INDIVIDU



**YBhg. Datuk Dr. Yasmin
binti Hussain**
*Dekan Fakulti Pendidikan dan
Pengajian Liberal City University*



**YH Dato' Sri Megat D.
Shahriman bin Dato' Zaharudin**
*Presiden Majlis Paralimpik Malaysia
(MPM)*



**YBhg. Dato' Dr. Siti Sabzah binti
Mohd Hashim**
*Ketua Perkhidmatan
Otorinolaringologi (ORL)*



**YBhg. Dato' Dr. Ramanathan
Ramiah**
*Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Ipoh*



**YBhg. Dato' Maria Bernard @
Maria Sinsoi**
Pesara Kerajaan

ANGGOTA INDIVIDU



YBrs. Dr. Nor Hayati binti Ali
Pakar Perunding Kanan Psikiatri
(Komuniti dan Rehabilitasi)
Hospital Selayang, Selangor



YBrs. Dr. Ruzimi bin Mohamed @ Mahmood
Pengasas Ozel Sdn. Bhd.



Encik Francis Johen anak Adam
Penasihat Pertubuhan Orang
Cacat Sarawak (POCS) (Wakil OKU
Negeri Sarawak)



Puan Eamienor Zakiah binti Md Zuki
Setiausaha Agung Persekutuan
Orang Pekak Malaysia (MFD)



Encik Wong Yoon Loong
Pengarah Eksekutif National Council
for the Blind Malaysia (NCBM)

3.0 JAWATANKUASA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

3.1 JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN DI BAWAH MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

Untuk membantu Majlis melaksanakan fungsi dan peranannya, sebanyak enam (6) Jawatankuasa telah ditubuhkan. Penubuhan Jawatankuasa ini telah dibuat pada mesyuarat kali pertama yang telah diadakan pada 14 Ogos 2008.

Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

3.1.1 Jawatankuasa Pendaftaran Orang Kurang Upaya

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada isu berkaitan pendaftaran, pengeluaran kad OKU, promosi dan penggalakan pendaftaran OKU.

3.1.2 Jawatankuasa Quality Life Care

Dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada isu yang berkaitan penjagaan kesihatan, rawatan, rehabilitasi, habilitasi, pengesanan dan intervensi awal kepada OKU.

3.1.3 Jawatankuasa Pendidikan

Dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada isu pendidikan kepada OKU, termasuklah penyediaan prasarana yang mesra OKU di sekolah-sekolah.

3.1.4 Jawatankuasa Pekerjaan

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Jawatankuasa ini memberi tumpuan khusus kepada isu berkaitan pekerjaan kepada OKU.

3.1.5 Jawatankuasa Pengangkutan

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan. Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada isu-isu aksesibiliti

yang berkaitan dengan pengangkutan seperti bas, keretapi, feri dan juga kapal terbang. Selain daripada itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk memastikan stesen pengangkutan awam di negara ini menyediakan kemudahan mesra OKU.

3.1.6 Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada isu-isu aksesibiliti bangunan, ruang awam dan penggunaan peralatan atau kemudahan yang berkonsepkan *universal design* dalam setiap reka bentuk yang mana peralatan ini boleh digunakan oleh semua golongan masyarakat termasuklah OKU, warga emas, kanak-kanak dan ibu mengandung.

4.0 LAPORAN PELAKSANAAN MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (MKBOKU) DAN AKTIVITI JAWATANKUASA DI BAWAH MKBOKU

4.1 MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

4.1.1. Pelaksanaan Mesyuarat

Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) untuk Tahun 2021 telah diadakan secara dalam talian sebanyak tiga (3) kali dan telah dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat seperti berikut:

- i. Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) Bilangan 1 Tahun 2021 pada 25 Mac 2021**



Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya Bil. 1/2021 serta penyampaian sijil penghargaan kepada Anggota (Individu) MKBOKU (25 Mac 2021)

ii. Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) Bilangan 2 Tahun 2021 pada 24 Jun 2021



Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya Bil. 2/2021 (24 Jun 2021)

iii. Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) Bilangan 3 Tahun 2021 pada 22 November 2021.



Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya Bil. 3/2021 (22 November 2021)

4.2 JAWATANKUASA PENDAFTARAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

4.2.1 Pelaksanaan Mesyuarat

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) Bilangan 1 Tahun 2021 telah diadakan pada 12 Februari 2021.
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) Bilangan 2 Tahun 2021 telah diadakan pada 1 November 2021.

4.2.2 Fokus Utama bagi Tahun 2021

Objektif utama penubuhan Jawatankuasa Pendaftaran OKU adalah untuk mewujudkan kerjasama antara agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan sukarela kebajikan, merancang dan mengenal pasti program bagi menambahkan bilangan OKU berdaftar di Malaysia. Oleh itu antara fokus utama tahun 2021 adalah:

- i. Mempergiatkan Kempen Pendaftaran OKU di peringkat negeri dan daerah;
- ii. Membangunkan modul permohonan pendaftaran OKU secara dalam talian bagi memudah dan mempercepatkan proses permohonan pendaftaran OKU termasuk pengisian borang dan pengesahan ketidakupayaan oleh Pakar/Pegawai/Pengamal Perubatan secara dalam talian serta mengeluarkan Kad OKU digital dalam bentuk Kod QR, dan
- iii. Mewujudkan pangkalan data dalam bentuk OKU Registry yang melibatkan perkongsian data OKU berdaftar dan tidak berdaftar di antara empat (4) agensi kerajaan iaitu KPWKM, KKM, KPM dan KSM dalam satu pangkalan data Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU).

4.2.3 Laporan Aktiviti/Program yang telah dilaksanakan Sepanjang Tahun 2021

4.2.3.1 Majlis Pelancaran MyDaftar OKU (Pencapaian 100 Hari YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

Modul "MyDaftar OKU" diperkenalkan bertujuan untuk memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan pendaftaran OKU. Urusan permohonan pendaftaran OKU boleh diakses secara dalam talian dan pemohon tidak

perlu hadir ke pejabat berulang kali. Pengeluaran Kad OKU digital dalam bentuk Kod QR lebih mesra OKU kerana boleh disimpan dalam telefon bimbit dan memudahkan ketersampaian OKU kepada semua kemudahan yang mengaplikasi Kod QR.

Diharap dengan adanya Modul "MyDaftar OKU" ini akan meningkatkan bilangan OKU berdaftar di bawah JKM melalui Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) selari dengan Teras Strategik 8 Pelan Tindakan OKU 2016-2022 yang menggariskan tentang mewujudkan pangkalan data OKU dan sistem maklumat yang komprehensif. Jabatan juga berharap dengan adanya statistik yang lebih tepat dan komprehensif, pelbagai program dan kemudahan dapat dirangka agar golongan OKU tidak tercicir (tiada siapa yang ketinggalan) daripada perhatian dan sokongan Kerajaan selaras dengan slogan Keluarga Malaysia.

a. Majlis Pelancaran MyDaftar OKU telah diadakan seperti berikut:

Tarikh : 27 Oktober 2021
Masa : 8.00 pagi - 12.00 tengah hari
Tempat : Pusat Pendidikan Autisme Melaka
No. 48, Jalan Peringgit Permai 4
75400 Melaka

b. Kumpulan sasaran:

- OKU;
- wakil OKU;
- wakil Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) OKU;
- ibubapa kanak-kanak OKU;
- ketua-ketua jabatan/agensi; dan
- pemimpin tempatan

c. Bilangan peserta: 250 orang

d. Objektif:

Majlis Pelancaran "MyDaftar OKU" ini diadakan bertujuan untuk:

- i. Mempromosikan perkhidmatan pendaftaran OKU secara dalam talian (MyDaftar OKU);
- ii. Memperkenalkan Kad OKU digital dalam bentuk Kod

QR kepada pemegang Kad OKU sebagai alternatif kepada Kad OKU fizikal; dan

- iii. Meningkatkan kesedaran awam kepentingan untuk mendaftar sebagai OKU dan manfaat yang diterima.

e. Sasaran program:

- 2,000 permohonan pendaftaran OKU baharu yang diluluskan dalam bulan November di seluruh Malaysia dapat dikeluarkan Kad OKU digital

f. Pencapaian mulai 1 November sehingga 31 Disember 2021

- Sebanyak 9,488 permohonan pendaftaran OKU baharu telah diluluskan dan dikeluarkan Kad OKU digital dalam bentuk QR Code.



Majlis Pelancaran My Daftar OKU
(Pencapaian 100 Hari YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

4.2.3.2 Forum Pendaftaran Orang Kurang Upaya kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) OKU Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sempena Sambutan Ulang Tahun ke 75 Jabatan Kebajikan Masyarakat

Forum ini diadakan bertujuan untuk:

- i. Memberi pendedahan berkenaan Garis Panduan Pendaftaran OKU Pindaan 2019, BPPOKU dan SMOKU;
- ii. Mendapatkan penerangan yang jelas berkenaan kategori dan sub kategori OKU daripada Pakar Perubatan mengikut kategori;
- iii. Memberi panduan berkenaan penggunaan Borang Permohonan Pendaftaran OKU Pindaan 2019 dan Borang Padanan Pekerjaan; dan
- iv. Memberi maklumat berkenaan keistimewaan dan kemudahan kepada OKU yang berdaftar dengan JKM

a. Forum telah diadakan seperti berikut:

Tarikh : 11 April 2021 (Ahad)

Masa : 2.30 - 4.30 petang

Tempat : Bilik Seminar 3, Aras G, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

b. Jemputan Forum adalah seperti berikut:

Bil	Jemputan	Jumlah
1.	Ahli Forum	6
2.	PSK OKU di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang terpilih (2 orang @ 20 PSK)	40
	JUMLAH	46 orang

c. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan dalam program ini adalah seperti berikut:

i. **Taklimat**

Forum Pengenalan Garis Panduan Pendaftaran OKU, Borang Permohonan Pendaftaran OKU (BPPOKU) dan Borang Padanan Pekerjaan.

- ii. Ahli forum adalah terdiri daripada Pakar Perubatan mengikut kategori OKU dan Pegawai daripada Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) seperti berikut:

Bil	Kategori OKU	Penceramah
1.	OKU Pendengaran	Dato' Dr. Siti Sabzah binti Mohd Hashim Ketua Perkhidmatan ORL KKM (Gred Khas A)
2.	OKU Penglihatan	Dr. Zairah binti Zainal Pakar Oftalmologi (UD56)
3.	OKU Pertuturan	Dato' Dr. Siti Sabzah binti Mohd Hashim Ketua Perkhidmatan ORL KKM
4.	OKU Fizikal	Dr. Yusniza binti Mohd Yusof Pakar Perunding Kanan Rehab (Gred Khas C) Hospital Rehabilitasi, Cheras
5.	OKU Pembelajaran	Dr. Khoo Teik Beng (Gred Khas C) Pakar Perunding Pediatric Hospital Kuala Lumpur
6.	OKU Mental	Dr. Nor Hayati binti Ali Pakar Perunding Kanan Psikiatri (Gred Khas C) Hospital Selayang
7.	Pengerusi Forum dan Prosedur Pendaftaran OKU	Encik Pathmanathan a/l Nalasamy Ketua Penolong Pengarah Kanan, JPOKU



Taklimat Forum Pengenalan Garis Panduan OKU, Borang (BPPOKU) dan Borang Padanan Pekerjaan.

4.3 JAWATANKUASA QUALITY LIFE CARE MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

4.3.1 Pelaksanaan Mesyuarat

Tiada mesyuarat Jawatankuasa Quality Life Care bagi OKU dilaksanakan pada tahun 2021 kerana memberi keutamaan kepada aktiviti pencegahan dan kawalan wabak pandemik COVID-19 serta Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

4.3.2 Fokus Utama bagi Tahun 2021

Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Ordinan Darurat sehingga Ogos 2021 bagi membantu mengekang penularan wabak COVID-19. Selain itu, PICK juga telah dimulakan pada 24 Februari 2021 dengan sasaran untuk memvaksinasi kesemua warganegara dan bukan warganegara yang layak secara berperingkat meliputi 5 fasa. Fasa 1 dimulakan dengan vaksinasi kepada anggota barisan hadapan diikuti dengan Fasa 2 yang bermula pada 19 April 2021, di mana kumpulan sasaran penerima vaksin adalah pesakit yang mempunyai masalah kesihatan (komorbiditi), warga emas dan golongan OKU.

Berikutan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengenal pasti strategi pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatan di klinik kesihatan dan komuniti agar sejajar dengan keperluan bagi menangani wabak COVID-19 serta menjayakan PICK.

Fokus utama perkhidmatan kesihatan bagi tahun 2021 adalah:

- i. Memperkuuhkan perkhidmatan kanak-kanak berkeperluan khas (kanak-kanak OKU) melalui kesedaran ketidakupayaan bagi tujuan stimulasi awal (*Early Intervention Program/ EIP*) serta rehabilitasi perubatan;
- ii. Memastikan liputan dan sistem penyampaian penjagaan kesihatan melalui perkhidmatan perawatan domisiliari (PPD) di Kesihatan Primer (OKU dewasa);
- iii. Menangani keperluan kumpulan sasar kepada penjagaan kesihatan dan akses PICK kepada golongan OKU di institusi dan komuniti;
- iv. Menggalakkan kajian dan memantau keberhasilan pencapaian (indikator) bagi Perkhidmatan Kesihatan OKU; dan
- v. Pembangunan modal insan.

4.3.3 Laporan Aktiviti/Program yang telah dilaksanakan Sepanjang Tahun 2021

4.3.3.1 Video Norma Baharu COVID-19 dengan Jurubahasa Isyarat

Pandemik COVID-19 yang sedang melanda dunia dan situasi semasa perkhidmatan kesihatan di Malaysia menyebabkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil pelbagai pendekatan dan mengamalkan beberapa norma baharu dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan agar selari dengan garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digariskan oleh KKM dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Penyampaian perkhidmatan kesihatan dan maklumat terkini berkenaan situasi semasa pandemik ini agak sukar disampaikan kepada masyarakat terutamanya golongan OKU kerana terdapat halangan komunikasi.

Dengan kerjasama *Malaysia Federation of Deaf* (MFD), sebanyak 9 video telah diolah dengan memaparkan Jurubahasa Isyarat dari *Malaysian Association of Sign Language Interpreters* (MyASLI) bagi membolehkan mereka menterjemah isi kandungan video kepada isyarat tangan bagi memudahkan individu OKU pendengaran memahami video tersebut.

a. Output Program:

- 9 buah video dihasilkan

b. Outcome Program:

- OKU pendengaran lebih memahami Amalan Norma Baharu dalam kawalan pandemik dan langkah-langkah pencegahan COVID-19 menerusi video yang dihasilkan. Video ini merupakan platform yang sesuai untuk perkongsian dan pendedahan bagi pengurusan pandemik COVID-19 di semua peringkat penjagaan kesihatan serta dapat mengumpul dan menyebar luas maklumat serta pengetahuan tentang isu-isu semasa kesihatan awam di negara ini.

i. **Video Norma Baharu COVID-19 dengan Jurubahasa Isyarat**
Tajuk: Post COVID Symptoms




<https://drive.google.com/file/d/1Ufb7oZo5AH4VnHm4hOpOuTxLSNsxDE-m/view?usp=sharing>

ii. **Video Norma Baharu COVID-19 dengan Jurubahasa Isyarat**
Tajuk: Happy Hypoxia



<https://drive.google.com/file/d/1Ju0arvBbW8cuRAkCe5HODWaTf4mPyZKh/view?usp=sharing>

iii. Video Norma Baharu COVID-19 dengan Jurubahasa Isyarat Tajuk: Penerimaan Vaksin COVID-19



<https://drive.google.com/file/d/1LLxLs7jQo9WkslwQd9Fi1vNq9nsh1lyY/view?usp=sharing>

iv. Video Norma Baharu COVID-19 dengan Jurubahasa Isyarat Tajuk: Pencegahan dan Kawalan COVID-19 di Tempat Kerja



<https://drive.google.com/file/d/11HnFnCLxWmRFMQuat5ncSnYRyypbdrLS/view?usp=sharing>

v. **Video Norma Baharu COVID-19 dengan Jurubahasa Isyarat Tajuk: Amalan Norma Baharu Di Klinik Kesihatan**



https://drive.google.com/file/d/1NSz8uGke8MJA1U_6ERXWpilUoOMQhbv/view?usp=sharing

vi. **Video Norma Baharu COVID-19 dengan Jurubahasa Isyarat Tajuk: Kontak Rapat Pesakit COVID-19**



[\(B. MELAYU\)](https://drive.google.com/file/d/1WKvn2D-qiqvCMYfSCC07jBw0QgamiIMG/view?usp=sharing)

[\(ENGLISH\)](https://drive.google.com/file/d/1QTTgjAku-47LtwKJNSAIpbQqEnffxak/view?usp=sharing)

vii. **Video Norma Baharu COVID-19 dengan Jurubahasa Isyarat Tajuk: Pengurusan Pesakit COVID-19**



https://drive.google.com/file/d/1_S4UbNSIQ6OD3p5aC73le-54wsjKz8pA/view?usp=sharing

(B. MELAYU)

<https://drive.google.com/file/d/187ry6qgYSJgfXo9La0dkKREXjMgayt4V/view?usp=sharing> (ENGLISH)

4.3.3.2 Bekalan Alat Pendidikan Kesihatan Berkaitan Program Amalan Cara Hidup Sihat

Program ini telah diadakan di semua Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada bulan Oktober 2021 yang lalu.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendidikan kesihatan kepada petugas di PDK berkaitan pemakanan sihat, kesihatan minda serta aktiviti fizikal.

Program ini melibatkan penyertaan dikalangan petugas dan pelatih OKU di 563 buah PDK serta kakitangan institusi JKM.

a. Output program

Pembekalan Alat Pendidikan Kesihatan seperti berikut:

- Apron Pinggan Sihat Malaysia;
- Resistance band; dan
- Stress Ball

b. Outcome Program

Membolehkan petugas PDK mahir berkenaan asas pemakanan sihat dan cara menjaga kesihatan mental dan aktiviti fizikal pelatih OKU.

Alat pendidikan kesihatan diberikan dan digunakan semasa program pemerkasaan komuniti untuk pembudayaan norma baharu. Ini dapat memberi peluang kepada petugas PDK untuk mendapat pengetahuan asas berkaitan amalan cara hidup sihat.

Contoh Alat Pendidikan Kesihatan yang Dibekalkan



Resistance Band



Apron Pemakanan Sihat



Stress ball

4.3.3.3 Program Pemerkasaan Komuniti untuk Pembudayaan Norma Baharu kepada Sukarelawan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Objektif pelaksanaan program ini diadakan adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepada sukarelawan JKM iaitu Penyelia/Petugas PDK dalam membantu OKU membudayakan norma baharu dan;
- ii. Memberi pendedahan kepada petugas PDK mengenai langkah-langkah kawalan dan pencegahan COVID-19 di PDK bagi memantau pelatih PDK. Program ini telah berjaya melibatkan 168 orang peserta dalam kalangan petugas dan penyelia PDK.

a. Output Program:

Peserta lebih memahami Amalan Norma Baharu dalam kawalan Pandemik di PDK dan langkah-langkah pencegahan COVID-19 dalam kalangan pelatih.

b. Outcome Program:

Pelatih, ibu bapa dan seterusnya masyarakat berpengetahuan dalam pengamalan norma baharu dan langkah pencegahan penyakit pandemik. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan berjalan lancar seperti yang dirancang. Para peserta memberikan komen positif supaya program seperti ini dapat dijalankan setiap tahun dan perlu diperluaskan kepada petugas-petugas PDK, ibu bapa dan ahli jawatankuasa PDK.



YB Senator Datuk Ras Adiba Binti Mohd. Radzi sebagai salah seorang panel jemputan pada Program Pemerkasaan Komuniti untuk Pembudayaan Norma Baharu bagi Petugas PDK Peringkat Negeri yang telah diadakan pada 21 Oktober 2021



Peserta program diberi pendedahan mengenai aktiviti senaman bagi warga emas yang perlu diamalkan secara berkala. Senaman ini menggunakan *Resistance Band* yang diberikan kepada setiap peserta

4.3.3.4 Perkhidmatan Kesihatan bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas (Kanak-Kanak OKU)

Latihan kesedaran ketidakupayaan bagi tujuan stimulasi awal (*Early Intervention Program/ EIP*) serta rehabilitasi perubatan telah diadakan dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Pengasuh Berdaftar (PPBM) dan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM). Ini bagi memastikan aktiviti saringan dan stimulasi/intervensi awal bagi kanak-kanak dilakukan sebelum usia 4 tahun terutama bagi mereka yang berada di TASKA.

Latihan diadakan bertujuan agar pengasuh/pemberi perkhidmatan dapat memahami pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak berumur 0-6 tahun, mempelajari kemahiran stimulasi awal perkembangan tersebut, memahami tanda-tanda awal kelewatan perkembangan dan ketidakupayaan kanak-kanak, memberi sokongan dan dorongan untuk pertumbuhan dan perkembangan optimum dengan stimulasi awal, merancang dan melaksanakan aktiviti sesuai dan stimulasi awal (*Early Intervention Program*) serta mewujudkan kesedaran dan sikap positif terhadap semua kanak-kanak terutamanya kanak-kanak kurang upaya (inklusif).



Sesi demonstrasi pemakanan kanak-kanak OKU serta sesi praktikal kesihatan seksual dan keselamatan diri bagi remaja dan kanak-kanak OKU

4.3.3.5 Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) bagi Orang Kurang Upaya dan Pesakit Terlantar

Semasa wabak pandemik COVID-19 melanda Malaysia, Perkhidmatan PPD dan Perubatan Paliatif di komuniti tetap diteruskan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Perkhidmatan ini diteruskan mengikut arahan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 4/2020 bertarikh 6 Julai 2020: Pengoperasian Fasiliti Kesihatan Primer KKM Pasca PKP.

Perkhidmatan kesihatan di rumah pesakit dilaksanakan dengan mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan COVID-19 seperti yang digariskan dalam garis panduan sedia ada yang dikeluarkan oleh KKM.

Pelaksanaan vaksinasi melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan memberi keutamaan kepada golongan OKU, warga emas dan pesakit terlantar di rumah. Kaedah pelaksanaan yang dijalankan adalah melalui aktiviti jangkau luar (*outreach*) yang melibatkan kerjasama pihak badan bukan kerajaan (NGO) sebagai sukarelawan kesihatan. Aktiviti ini dilaksanakan oleh pasukan bergerak yang pergi ke rumah pesakit secara *home-to-home basis*, mengikut jadual dan kapasiti pasukan tersebut.



Wakil KKM bersama Pasukan Bergerak NGO IMARET dan sukarelawan JKM

Pihak sukarelawan kesihatan NGO yang terlibat adalah dari badan pertubuhan yang diiktiraf kerajaan Malaysia dan mempunyai pengalaman dalam penjagaan kesihatan di komuniti. Pemilihan sukarelawan kesihatan NGO adalah yang telah dipersetujui oleh pihak jawatankuasa COVID-19 Immunization Task Force dan dilatih melaksanakan pemberian vaksin COVID-19 di rumah pesakit. Empat (4) NGO terlibat adalah MERCY Malaysia, Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM) Response & Relief Team (IMARET) dan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia. Sukarelawan ini bukan sahaja memberi vaksinasi kepada pesakit OKU terlantar di rumah, malahan juga kepada penjaga dan ahli keluarga pesakit yang layak divaksinasi bagi memberi perlindungan yang menyeluruh terhadap kawalan wabak.



Sukarelawan Kesihatan NGO melaksanakan pemberian vaksinasi kepada OKU dan Pesakit Terlantar di Rumah

4.3.3.6 Program Imunisasi COVID Kebangsaan (PICK) bagi Kumpulan Sasar OKU


OKU merupakan antara golongan yang berisiko tinggi mendapat jangkitan COVID-19 berbanding populasi normal yang lain kerana masalah kefungsian yang mereka alami. Kadar kebarangkalian jangkitan adalah lebih tinggi dalam kalangan OKU dengan komorbiditi, OKU warga emas dan OKU terlantar (*bed-ridden*). Golongan ini juga lebih cenderung untuk mengalami komplikasi yang lebih teruk dan proses penyembuhan yang lebih rumit sekiranya dijangkiti COVID-19.

Selaras dengan itu, Malaysia telah melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) kepada rakyat Malaysia sebagai salah satu usaha untuk mengawal penularan jangkitan penyakit COVID-19. Pelaksanaan vaksinasi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bermula 24 Februari 2021 secara berfasa di mana Fasa 1 bermula dengan pemberian vaksinasi kepada petugas barisan hadapan dan diikuti dengan fasa 2 iaitu kepada warga emas, OKU dan pesakit dengan komorbiditi. Program ini turut diperluaskan kepada populasi remaja yang layak menerima vaksin bermula pada bulan Oktober 2021.

Pelaksanaan pemberian vaksin COVID-19 telah dijayakan dengan beberapa inisiatif kerajaan di mana program ini turut dilaksanakan di institusi/pusat jagaan OKU berkediaman, institusi berpusat seperti di bangunan *Malaysian Association for The Blind* (MAB) yang memberi fokus kepada pemberian vaksinasi OKU Kategori Penglihatan dan di dua (2) pusat pemberian vaksin (PPV) secara pandu lalu di Selangor dan Johor dengan kerjasama Persatuan OKU Sentral.



PPV Pandu Lalu bagi OKU, *Sime Darby Plantation Ara Damansara*, Selangor



Penggunaan perkhidmatan Jurubahasa Isyarat bagi kemudahan OKU Pendengaran dan ruangan khas *Calmiling Bay* bagi OKU dengan masalah tingkah laku adalah antara kemudahan yang disediakan di PPV Pandu Lalu


4.3.3.7 Menggalakkan Kajian dan Pencapaian (Indikator)

WHO Global Disability Action Plan 2014-2021 menekankan tentang pengukuhan pengumpulan data yang relevan mengenai ketidakupayaan, sokongan terhadap penyelidikan mengenai ketidakupayaan serta perkhidmatan yang berkaitan dengannya.

Pada tahun 2019, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui *National Health Morbidity Survey (NHMS)* telah menjalankan satu kajian bagi Model *Disability* yang melibatkan prevalen ketidakupayaan dalam kalangan kanak-kanak dan orang dewasa di Malaysia serta soalan berkenaan penggunaan alat bantuan *assistive devices* dalam kalangan OKU.

Data NHMS tahun 2019 menunjukkan prevalen ketidakupayaan bagi populasi dewasa di Malaysia adalah sebanyak 11.1%, manakala kanak-kanak adalah sebanyak 4.7%. Prevalen penggunaan alat bantuan (*assistive devices*) dalam kalangan dewasa di Malaysia pula adalah sebanyak 76.6 %. Data ini telah dibentangkan semasa Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi OKU Bil. 1/2021 yang berlangsung pada 25 Mac 2021 bagi memaklumkan mengenai dapatan kajian yang menunjukkan kadar ketidakupayaan adalah lebih tinggi dalam kalangan penduduk Malaysia di luar bandar, individu yang berusia 60 tahun ke atas, individu dengan komorbiditi dan individu dengan tahap sosioekonomi rendah.

Bagi menangani masalah ketidakupayaan yang kebanyakannya didapati dalam kalangan warga emas, bantuan untuk masalah ketidakupayaan terutamanya alat bantu pendengaran, penglihatan dan fizikal perlu diberi perhatian termasuklah bantuan kewangan dan pengangkutan. Majlis mengambil maklum berhubung dapatkan ini dan ia boleh dijadikan asas dan panduan kepada semua agensi berkaitan dalam perancangan serta penambahbaikan perkhidmatan di Malaysia.



Dapatkan dari *National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019*

4.3.3.8 Pembangunan Modal Insan

KKM telah menjalankan kerjasama pintar bersama badan/persatuan bukan kerajaan (NGO) bagi memperkasakan pemberian perkhidmatan kepada OKU. Bagi tahun 2021, sebanyak 3 aktiviti telah dijalankan dengan kerjasama pihak Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM), fokus dalam memberi latihan kepada penjaga di institusi dan di rumah. Kursus Penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU) dan Warga Emas di Institusi dan Komuniti telah dilaksanakan di peringkat negeri Pahang pada Mac 2021, di negeri Selangor pada Julai 2021 dan secara dalam talian pada Ogos 2021.

Objektif kursus ini dijalankan adalah seperti berikut:

- Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan latihan kepada penjaga dalam pengendalian OKU dan warga emas di institusi dan komuniti;
- Memberi pendedahan kepada penjaga dalam mengenal pasti risiko awal dan masalah yang dihadapi oleh klien, seterusnya membuat rujukan awal kepada pihak yang berkaitan; dan

- c. Memberi pendedahan kepada penjaga dalam persediaan memulakan semula perkhidmatan dalam fasa endemik COVID-19 serta membudayakan norma baharu.



Para peserta menjalankan sesi praktikal pengurusan kebersihan pesakit OKU terlantar



Demonstrasi bantuan pertolongan cemas ditunjukkan oleh Paramedik dari Persatuan Saint John

4.3.3.9 Sambutan Hari OKU

Bersempena sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan yang telah disambut pada 3 Disember 2021, satu majlis yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia telah berlangsung. Antara aktiviti yang dilaksanakan pada majlis tersebut adalah bual bicara dimana pihak KKM telah diundang sebagai panel jemputan bagi topik perbincangan bertajuk "Kepimpinan dan Penyertaan Orang Kurang Upaya (OKU) Menuju Endemik COVID-19".

4.4 JAWATANKUASA PENDIDIKAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

4.4.1 Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa

- 4.4.1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya Bilangan 1 Tahun 2021 telah diadakan pada 29 Julai 2021.
- 4.4.1.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya Bilangan 2 Tahun 2020 telah diadakan pada 22 November 2021.

4.4.2 Laporan Aktiviti/Program Yang Telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2021

4.4.2.1 Pembekalan Bahan Sokongan Pendidikan Khas (Kertas Kraf dan Kertas Embosser)

- i. Bermula pada 25 Oktober - 5 November 2021
- ii. Melibatkan enam buah Sekolah Pendidikan Khas seperti berikut:
 - a. SKPK Princess Elizabeth, Johor Bahru, Johor;
 - b. SKPK Jalan Batu, WP Kuala Lumpur;
 - c. SKPK Kuala Terengganu, Terengganu;
 - d. SKPK Tuaran, Sabah;
 - e. SMPKV Indahpura, Kulai, Johor; dan
 - f. SMKPK Setapak, WP Kuala Lumpur
- iii. Pembekalan bahan sokongan pendidikan khas ini memberi manfaat kepada 229 orang murid berkeperluan khas kurang upaya penglihatan.
- iv. Bahan yang dibekalkan dapat digunakan sebagai bahan bantu pengajaran dan pembelajaran (PdP) khusus bagi murid berkeperluan khas kurang upaya penglihatan.



Bengkel Kerja Jawatankuasa Teknikal Pemantapan Pindaan Indikator dan Sasaran serta Penyelarasan Status Pencapaian Teras Strategik 3 Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) 2016-2022

4.4.2.2 Bengkel Kerja *Training of Trainers (ToT)* dan Audit Akses dalam Persekutuan Alam Bina 2021/2022

- i. Diadakan pada 9 dan 10 November 2021.
- ii. Bertempat di Blok E9, Kompleks Parcel E, Putrajaya.
- iii. Melibatkan seramai 64 orang peserta yang terdiri daripada pegawai di Bahagian KPM dan JPN termasuk 13 orang penceramah, moderator dan fasilitator.
- iv. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta berkenaan kemudahan mesra OKU berdasarkan Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*). Bengkel ini juga memberi pendedahan agar para peserta lebih peka tentang reka bentuk kemudahan mesra OKU dan dapat diterapkan seterusnya diaplikasikan dalam semua projek pembangunan terutama projek yang melibatkan kemudahan mesra OKU di sekolah berdasarkan prinsip Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*).



Simulasi Audit Akses di Sekitar Bangunan Dewan Bengkel



Simulasi Audit Akses di Sekitar Bangunan Dewan Bengkel

4.5 JAWATANKUASA PEKERJAAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

4.5.1 Pelaksanaan Aktiviti/Program Jawatankuasa Pekerjaan

Mesyuarat Jawatankuasa Pekerjaan tidak dapat dilaksanakan akibat kekangan Prosedur Operasi Standard (SOP) pandemik COVID-19. Perancangan aktiviti juga tidak dapat dijayaikan sepenuhnya kerana SOP tidak membenarkan sesuatu aktiviti secara berkumpulan dibuat dalam tempoh ini. Tiada mesyuarat Jawatankuasa Pekerjaan dilaksanakan bagi tahun 2021.

4.5.2 Laporan Aktiviti/Program Jawatankuasa Pekerjaan

4.5.2.1 Program Outreach

Tarikh: 29 September 2021

Objektif Program: Program ini dilaksanakan bagi berkongsi maklumat berkenaan inisiatif-inisiatif sedia ada dan sedang dilaksanakan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi memperkasakan peluang pekerjaan dalam kalangan OKU di tempat kerja. Program ini telah dilaksanakan di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi (PLPP).



Program Outreach Pekerjaan yang telah dilaksanakan di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi, Selangor

4.6 JAWATANKUASA PENGANGKUTAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

4.6.1 Pelaksanaan Mesyuarat

Mesyuarat Jawatankuasa Pengangkutan tidak dapat dilaksanakan akibat kekangan Prosedur Operasi Standard (SOP) pandemik COVID-19. Perancangan aktiviti juga tidak dapat dijayaikan sepenuhnya kerana SOP tidak membenarkan sesuatu aktiviti secara berkumpulan dibuat dalam tempoh ini seperti program audit aksesibiliti, bengkel dan seminar.

4.6.2 Laporan Aktiviti/Program yang telah dilaksanakan Sepanjang Tahun 2021

Dua aktiviti telah diadakan sepanjang tahun 2021 seperti berikut:

4.6.2.1 Mesyuarat Pemurnian Kod Amalan Terbaik (*Code of Practice - COP*) Pengendalian Orang Kurang Upaya (OKU) bagi Perkhidmatan Pengangkutan Awam Udara

- i. Jawatankuasa Pengangkutan telah mengadakan satu Mesyuarat Pemurnian Kod Amalan Terbaik (*Code of Practice - COP*) Pengendalian Orang Kurang Upaya (OKU) bagi Perkhidmatan Pengangkutan Awam Udara. Mesyuarat pemurnian ini diadakan pada 27 April 2021 dan dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Rosbi Binti Abd. Rahman, Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, Kementerian Pengangkutan.
- ii. Mesyuarat ini bertujuan untuk memuktamadkan dokumen COP yang telah dihasilkan secara bersama oleh pelbagai agensi dan jabatan. Antara agensi dan jabatan yang terlibat adalah seperti berikut:
 - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)
 - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
 - Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
 - Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKRM)
 - Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM)
 - *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB)
 - *Malaysia Airlines Berhad* (MAB)
 - *AirAsia*
 - *Malindo*
 - *FireFly*
 - *Maswings*
 - Wakil NGO OKU

- iii. COP ini bersifat inklusif dan menjadi satu garis panduan kepada semua operator pengangkutan udara agar dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada golongan rentan, khususnya OKU di negara ini. Penyediaan dokumen ini adalah selari dengan Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2030 yang telah menggariskan mengenai konsep inklusiviti dan mesra OKU di bawah Teras 3 iaitu "Meningkatkan aspek keselamatan, integrasi, ketersambungan dan kebolehcapaian bagi melancarkan perjalanan".
- iv. Seterusnya, di bawah Strategi 3.4 telah disenaraikan beberapa Pelan Tindakan yang memfokuskan OKU termasuklah "Meningkatkan aksesibiliti di terminal penumpang dan pengangkutan awam untuk golongan OKU (universal access)" dan COP ini merupakan salah satu daripadanya.
- v. Selain mesyuarat ini, beberapa sesi libat urus dan perbincangan lanjut juga turut diadakan dengan wakil OKU, jabatan dan agensi berkaitan bagi memperhalusi dokumen COP ini. COP ini dijangka siap untuk edaran pada suku pertama 2022.



Mesyuarat Pemurnian Kod Amalan Terbaik (*Code of Practice - COP*)
Pengendalian Orang Kurang Upaya (OKU) bagi Perkhidmatan Pengangkutan
Awam Udara (27 April 2021)

4.6.2.2 Plat Kenderaan OKU

- i. Cadangan pelaksanaan Plat Kenderaan OKU ini telah diteruskan dengan sesi perbincangan lanjut untuk memperhalusi cadangan dan perkara berkaitan, sama ada dari segi polisi mahupun perundangan. Sesi libat urus dilaksanakan dengan pelbagai pihak berkaitan iaitu wakil Penasihat Undang-Undang (PUU) MOT, Bahagian Dasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Penelitian lanjut sedang dijayakan secara bersama khususnya bagi proses pengintegrasian sistem MySikap (JPJ) dan Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) JKM.
- ii. Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bersama juga sedang dilaksanakan di antara Kementerian Pengangkutan dan KPWKM.



Perbincangan bagi Memperhalusi MJM Plat Kenderaan OKU Bersama JKM, KPWKM dan JPJ

4.7 JAWATANKUASA REKA BENTUK SEJAGAT DAN ALAM BINA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

4.7.1 Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina (JK RBSAB)

Mesyuarat JK RBSAB Bil. 1/2021 telah diadakan pada 19 Februari 2021 dan Bil. 2/2021 telah diadakan pada 29 September 2021 secara dalam talian. Kedua-dua mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Keanggotaan Jawatankuasa ini terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan pakar berkaitan reka bentuk sejagat dan alam bina serta audit akses. Jawatankuasa ini juga turut dianggotai oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan Orang Kurang Upaya yang berpengalaman dalam reka bentuk sejagat dan alam bina serta isu berkaitan aksesibiliti.



Mesyuarat Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina Bil. 1/2021 dan Bil. 2/2021 dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Hishamuddin bin Mohd Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

4.7.2 Pelaksanaan Aktiviti/Program Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina (JK RBSAB)

4.7.2.1 Bengkel *Training of Trainers (ToT)* dan Audit Akses dalam Persekitaran Alam Bina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Melaka Tahun 2021

Objektif pelaksanaan bengkel adalah meningkatkan kesedaran dan kefahaman pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Melaka, pegawai di kementerian berkaitan, pegawai teknikal Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya terutama Arkitek, Penolong Arkitek, Jurutera, Penolong Jurutera dan Juruteknik yang ditugaskan untuk menyemak pelan bangunan dan penguatkuasaan.

Program ini telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina dengan kerjasama Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Bengkel ToT bagi WPKL telah berlangsung pada 6 dan 7 April 2021 dan pelaksanaan Audit Akses pada 6 April 2021 seperti berikut:

- i. SK Taman Koperasi Polis;
- ii. SMK Batu Muda;
- iii. SMK Desa Perdana;
- iv. Masjid Sultan Haji Ahmad Shah;
- v. Bangunan Research Management Centre (RMC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; dan
- vi. Bangunan PAM Centre.



Bengkel Training of Trainers (ToT) dan Audit Akses dalam Persekitaran Alam Bina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Melaka Tahun 2021

4.7.2.2 Promosi Kesedaran Ketidakupayaan Melalui Media Massa

Promosi ini adalah merupakan penghasilan empat (4) video pesanan khidmat awam di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Objektif penghasilan empat (4) video Pesanan Khidmat Awam (PKA) adalah seperti berikut:

- i. Memupuk kesedaran kepada masyarakat bahawa OKU adalah sebahagian daripada anggota masyarakat yang mempunyai hak yang sama dalam arus pembangunan masyarakat dan negara;
- ii. Meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai ketidakupayaan dan halangan-halangan yang boleh menghalang atau membataskan penyertaan OKU dalam masyarakat; dan
- iii. Mengubah persepsi negatif terhadap OKU kerana OKU mempunyai hak penyamaan peluang dan penyertaan penuh secara inklusif dalam masyarakat.

Penghasilan empat (4) video tersebut merangkumi pesanan khidmat awam berkenaan program berikut:

- i. Kesedaran Ketidakupayaan *Disability Equality Training (DET)*;
- ii. Pendaftaran OKU;
- iii. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK); dan
- iv. Pusat Kehidupan Berdikari (ILC)



Perbincangan persediaan bagi pelaksanaan promosi kesedaran dan ketidakupayaan sesi rakaman bagi penghasilan video pesanan khidmat awam

SEKRETARIAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA



Encik Zuhami bin Omar
Pengarah
*Jabatan Pembangunan Orang
Kurang Upaya (JPOKU)*



Puan Norasnida binti Nordin
Ketua Penolong Pengarah
*Jabatan Pembangunan Orang
Kurang Upaya (JPOKU)*



Puan Sharifah Hafizah binti Saad Hassan
Penolong Pengarah Kanan
*Jabatan Pembangunan Orang Kurang
Upaya (JPOKU)*



Puan Noryanti binti Mahbub
Penolong Pengarah Kanan
*Jabatan Pembangunan Orang
Kurang Upaya (JPOKU)*



Puan Merryharyaty binti Mohd Nasir
Pembantu Tadbir
*Jabatan Pembangunan Orang
Kurang Upaya (JPOKU)*



Puan Anizan Azma binti Abdul Latif
Pembantu Operasi
*Jabatan Pembangunan Orang
Kurang Upaya (JPOKU)*

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
ARAS 6,9-18, NO. 55, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 4, 62100 PUTRAJAYA
TEL: 03-8323 1656 / 03-8323 1658 | FAKS: 03-8323 2094



www.jkm.gov.my

ADUAN KRISIS MASYARAKAT
TALIANKasih
1 5 9 9 9